

# Tengku Mahkota mahu UMP bersaing di peringkat global

Kejayaan individu tidak terletak pada kecahayaan fizikal semata-mata  
tetapi kesucian hati dan niat suci

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah mahu pelajar dan kakitangan UMP berusaha untuk meningkatkan pembelajaran dan tugas supaya lebih berkualiti pada masa depan.

Baginda bertitah kepada warga UMP terutama pelajar menjadikan setiap tugas sebagai tanggungjawab untuk merealisasikan visi dan misi universiti itu ke arah institusi bertaraf dunia yang mampu bersaing dengan institusi pengajian tinggi lain.

"Pelajar harus memikul amanah tersebut dengan penuh ikhlas kerana ia mencerminkan imej cemerlang universiti ini untuk menjadikannya antara institusi terbaik yang menjadi pilihan pelajar," katanya.

Titahnya, kejayaan individu tidak terletak pada kecantikan fizikal semata-mata tetapi kesucian hati dan niat suci mereka untuk menggalas tanggungjawab dan amanah keluarga yang mengharapkan kejayaan mereka.

Turut hadir Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Mohamed Said Mat Lela dan Timbalan Menteri Besar, Datuk Tan Mohd Aminuddin Ishak serta isteri.

Selain itu, baginda turut menasihati umat Islam di negeri ini menjadikan Ramadan sebagai penyuntik semangat dan dorongan untuk melipat gandakan usaha bagi memberi sumbangan berguna kepada masyarakat dan negara.

Pada majlis itu juga, Tengku Mahkota Pahang turut menyampaikan sumbangan raya kepada 60 anak yatim Nur Hidayah Muadzam dan Rumah Kebajikan Tengku Ampuan Fatimah serta 26 pelajar UMP.



Tengku Mahkota menyampaikan sumbangan raya kepada anak-anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa di UMP semalam.